

23 DEC 1996

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI NEW ZEALAND

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Perdana Menteri New Zealand Jim Bolger atas kejayaan penubuhan kerajaan barunya dan pelantikannya sebagai Perdana Menteri pertama mengikut sistem Pembahagian Anggota Campuran (MPP).

Dr Mahathir berkata beliau menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Bolger ke arah pemupukan hubungan antara Malaysia dan New Zealand dalam pelbagai bidang kerjasama.

Beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga mengucapkan selamat menyambut Krismas dan Tahun Baru kepada Bolger dan isterinya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya, Don McKinnon atas pelantikannya baru-baru ini sebagai Menteri Luar dan Perdagangan di bawah sistem MPP.

Beliau juga mengucapkan selamat menyambut Krismas dan Tahun Baru kepada McKinnon. -- BERNAMA

SBS FAZ